

CABARAN DALAM PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

Aliza Adnan^{*}, Rosseni Din[†], Mohd Shaferi Mohd Hassim[†], Haslina Hassan[†], Junaida Ahmad[†], Norijah Mohamed[†] & Md Norzamani Abu Hassan[†]

^{*}Jabatan Teknologi Pendidikan

[†] Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pensyarah Program Pensiwaszahan Guru (PPG) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam melaksanakan e-Pembelajaran. Pensyarah dan pelajar PPG menggunakan Portal e-Pembelajaran PPG untuk berinteraksi dan mendapatkan modul pembelajaran bagi melengkapkan sesi bersemuka. Kajian ini juga akan mengenal pasti keperluan latihan dan penambahbaikan terhadap penggunaan portal e-Pembelajaran. Rekabentuk kajian ini adalah secara kuantitatif dan kualitatif iaitu melalui soal selidik dan kaedah temubual. Data dikumpul secara soal selidik atas talian dari 42 pensyarah dan temu bual dengan 7 orang pensyarah PPG. Data tinjauan soal selidik dianalisis menggunakan Perisian SPSS versi 18. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti pensyarah PPG berpendapat Portal e-Pembelajaran berguna untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran dan berkongsi bahan dengan pelajar. Dapatkan juga mendapat latihan berterusan diperlukan bagi meningkatkan kemahiran dan keyakinan pensyarah menggunakan portal e-Pembelajaran. Analisis data deskriptif menunjukkan pensyarah PPG menghadapi cabaran teknologikal pada kadar paling tinggi dalam melaksanakan e-Pembelajaran. Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran di IPG, semua pihak iaitu pelajar, pensyarah dan pengurusan perlu memainkan peranan untuk memastikan penggunaan Portal e-Pembelajaran pada tahap tinggi. Kerjasama dari pihak pengurusan diperlukan untuk menaik taraf penyediaan infrastruktur internet bagi menangani cabaran teknologikal yang menjadi cabaran besar perlaksanaan e-Pembelajaran.

Kata Kunci: e-Pembelajaran, Portal e-Pembelajaran, Pensyarah PPG, Cabaran Pembelajaran

e-